unicef
for every child

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak

Memahami hak setiap kanak-kanak



Ketahui hak anda

Itu hak anda!

Semua kanak-kanak mempunyai hak. Tanpa mengira identiti dan tempat tinggal mereka di dunia ini. Ini bermakna anda juga mempunyai hak. Semua kanak- kanak juga berhak mengetahui hak mereka.

Oleh itu, kami telah menyenaraikan semua perkara yang disetujui mengenai hak kanak-kanak dalam bahasa yang mudah difahami. Dengan cara ini, anda boleh membacanya berulang kali sehingga anda memahami hak yang anda miliki dan individu yang bertanggungjawab untuk memastikan hak tersebut sentiasa dihormati.

Ingin mengetahui lebih lanjut tentang hak kanak-kanak?

Anda boleh mendapatkan maklumat di
https://bit.ly/UNICEF-JanjiKita



Isi Kandungan

01 Apakah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak? 4 - 5

02 Sekilas pandang tentang semua hak kanak-kanak. 6 - 20

03 Apakah yang UNICEF lakukan bagi melindungi hak kanak-kanak? 21



Apakah Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak?

Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak ialah himpunan perjanjian (artikel) yang telah disetujui oleh hampir semua negara di dunia. Perjanjian ini menerangkan cara kanak-kanak harus dilayan dan hak yang sepatutnya mereka miliki. Perjanjian ini terpakai di hampir semua negara di dunia.

Perjanjian dan hak ini berkaitan dengan diri anda. Ini termasuk hak berkaitan sekolah, tempat tinggal, kesihatan, agama, ibu bapa dan rakan-rakan. Hak ini juga merangkumi perlindungan daripada penderaan, eksploitasi buruh kanak-kanak dan peperangan.

Dalam buku kecil ini, anda boleh membaca tentang perjanjian tersebut - iaitu hak yang anda miliki sebagai seorang kanak-kanak. Anda juga boleh mengetahui perkara yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dan kerajaan untuk memastikan hak tersebut dihormati.



Apakah yang boleh anda lakukan jika hak anda atau hak kanak-kanak lain tidak dihormati?

1. Bincangkan perkara ini dengan seseorang yang anda percayai, seperti ibu bapa atau guru anda.

2. Hantar e-mel atau hubungi talian bantuan tempatan anda: https://bit.ly/helplines-malaysia-children.

3. Hubungi Pesuruhjaya Kanak-Kanak di SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia) untuk mendapatkan nasihat tentang hak kanak-kanak dan cara mendapatkan sokongan: https://suhakam.org.my/occ/



Perkara 1 Definisi kanak - kanak

Kanak-kanak ialah mana-mana individu yang berumur bawah 18.



Perkara 2 Tiada diskriminasi

Semua kanak-kanak mempunyai semua hak ini, tanpa mengira identiti, tempat tinggal, bahasa yang dituturkan, agama, pendapat, paras rupa, jantina, mempunyai ketidakupayaan, kaya atau miskin, serta tanpa mengira identiti ibu bapa atau keluarga mereka atau kepercayaan atau aktiviti keluarga mereka. Tiada kanak-kanak yang boleh dilayan secara tidak adil atas apa-apa sebab.



Perkara 3 Kepentingan terbaik kanak-kanak

Apabila orang dewasa membuat keputusan, mereka hendaklah memikirkan kesan keputusan tersebut terhadap kanak-kanak. Semua orang dewasa perlu melakukan perkara yang terbaik untuk kanak-kanak. Kerajaan perlu memastikan kanak-kanak dilindungi dan dijaga oleh ibu bapa mereka atau oleh orang lain apabila diperlukan. Kerajaan juga perlu memastikan individu dan tempat yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.



Perkara 4 Merialisasikan Hak

Kerajaan mesti berusaha sedaya upaya untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara masing-masing dapat menikmati semua hak yang dinyatakan dalam Konvensyen ini.



Perkara 5 Bimbingan keluarga seiring perkembangan kanak-kanak

Kerajaan perlu membenarkan keluarga dan masyarakat membimbing kanak-kanak supaya mereka belajar menggunakan hak mereka dengan sebaik-baiknya seiring dengan proses membesar. Semakin meningkat usia kanak-kanak, semakin kurang bimbingan yang mereka perlukan.



Perkara 6 Kehidupan, kelangsungan hidup dan perkembangan

Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup. Kerajaan mesti memastikan kanak-kanak terus hidup dan berkembang dengan sebaik mungkin.



Perkara 7 Nama dan kewarganegaraan

Kanak-kanak mesti didaftarkan sebaik sahaja mereka dilahirkan dan diberikan nama yang diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan. Kanak-kanak mesti mempunyai kewarganegaraan (menjadi warganegara sesebuah negara). Seboleh-bolehnya, kanak-kanak perlu mengenali ibu bapa mereka dan mendapat penjagaan daripada mereka.



Perkara 8 Identiti

Kanak-kanak berhak memiliki identiti mereka sendiri – rekod rasmi tentang diri mereka yang merangkumi nama, kewarganegaraan dan hubungan kekeluargaan. Tiada sesiapa boleh merampas identiti tersebut. Namun jika perkara ini berlaku, kerajaan mesti membantu kanak-kanak mendapatkan semula identiti mereka dengan segera.



Perkara 9 Menjaga keutuhan keluarga

Kanak-kanak tidak sepatutnya dipisahkan daripada ibu bapa mereka kecuali jika mereka tidak dijaga dengan baik – contohnya, jika ibu bapa menyakiti atau tidak menjaga mereka dengan sewajarnya. Kanak-kanak yang ibu bapa mereka tidak tinggal bersama perlu terus berhubung dengan kedua-dua ibu bapa, kecuali jika hubungan tersebut boleh memudaratkan mereka.



Perkara 10 Hubungan dengan ibu bapa di negara

Jika kanak-kanak tinggal di negara yang berbeza daripada ibu bapa mereka, kerajaan mesti membenarkan mereka pergi menemui satu sama lain supaya mereka dapat terus berhubung dan meluangkan masa bersama.



Perkara 11 Perlindungan daripada penculikan

Kerajaan mesti menghalang kanak-kanak daripada dibawa keluar dari sesebuah negara secara tidak sah – contohnya, apabila mereka diculik oleh seseorang atau dibawa dan ditahan di luar negara oleh salah seorang ibu atau bapa tanpa persetujuan seorang lagi.



Perkara 12 Menghormati pandangan kanak-kanak

Kanak-kanak berhak menyuarakan pendapat mereka secara bebas mengenai perkara yang memberi kesan kepada mereka. Orang dewasa perlu mendengar dan mengambil serius terhadap pandangan mereka.



Perkara 13 Kebebasan menyatakan pandangan

Kanak-kanak berhak meluahkan dan berkongsi dengan bebas apa yang mereka pelajari, fikirkan dan rasakan kepada orang lain, sama ada melalui percakapan, lukisan, penulisan atau apa-apa cara lain, selagi tidak memudaratkan orang lain.



Perkara 14 Kebebasan berfikir dan beragama

Kanak-kanak bebas memilih pemikiran, pendapat dan agama mereka sendiri, tetapi pilihan tersebut tidak boleh menghalang orang lain daripada menikmati hak mereka. Ibu bapa boleh membimbing kanak-kanak supaya mereka belajar menggunakan hak ini dengan baik apabila mereka semakin membesar.



Perkara 15 Menubuhkan atau menyertai kumpulan

Kanak-kanak boleh menyertai atau menubuhkan kumpulan atau organisasi serta bertemu dengan orang lain, selagi perkara tersebut tidak membahayakan orang lain.



Perkara 16 Perlindungan privasi

Setiap kanak-kanak berhak mendapat privasi. Undang-undang mesti melindungi privasi, keluarga, rumah, komunikasi dan reputasi (atau nama baik) kanak-kanak daripada sebarang gangguan.



Perkara 17 Akses kepada maklumat

Kanak-kanak berhak mendapatkan maklumat daripada Internet, radio, televisyen, surat khabar, buku dan sumber lain. Orang dewasa perlu memastikan maklumat yang diterima oleh kanak-kanak tidak memudaratkan mereka. Kerajaan perlu menggalakkan media untuk menyampaikan maklumat dalam bahasa yang boleh difahami oleh semua kanak-kanak.



Perkara 18 Tanggungjawab ibu bapa

Ibu bapa merupakan pihak utama yang bertanggungjawab membesarkan kanak-kanak. Jika kanak-kanak tidak mempunyai ibu bapa, tanggungjawab ini hendaklah dipikul oleh orang dewasa lain yang dikenali sebagai “penjaga”. Ibu bapa dan penjaga hendaklah sentiasa mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak. Kerajaan perlu membantu mereka. Jika kanak-kanak mempunyai kedua-dua ibu dan bapa, kedua-duanya hendaklah bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pembesaran anak mereka.



Perkara 19 Perlindungan daripada keganasan

Kerajaan mesti melindungi kanak-kanak daripada keganasan dan penderaan serta memastikan mereka dijaga dengan baik oleh sesiapa sahaja yang menjaga mereka.



Perkara 20 Kanak-kanak tanpa keluarga

Setiap kanak-kanak yang tidak dapat dijaga oleh keluarga sendiri berhak mendapat penjagaan yang baik daripada individu yang menghormati agama, budaya, bahasa dan aspek-aspek lain dalam kehidupan mereka.



Perkara 21 Kanak-kanak yang dijadikan anak angkat

Apabila kanak-kanak diambil sebagai anak angkat, perkara yang paling penting ialah memastikan kepentingan terbaik mereka diutamakan. Jika kanak-kanak tidak dapat dijaga dengan baik di negara sendiri – contohnya, dengan tinggal bersama keluarga lain – mereka boleh diambil sebagai anak angkat di negara lain.



Perkara 22 Kanak-kanak pelarian

Kanak-kanak yang berpindah dari negara asal ke negara lain sebagai pelarian (kerana mereka tidak selamat untuk terus tinggal di negara asal) perlu mendapat bantuan dan perlindungan serta mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak yang dilahirkan di negara tersebut.



Perkara 23 Kanak-kanak kurang upaya

Setiap kanak-kanak kurang upaya berhak menikmati kehidupan yang sebaik mungkin dalam masyarakat. Kerajaan hendaklah menghapuskan segala halangan supaya kanak-kanak kurang upaya dapat hidup berdikari dan mengambil bahagian secara aktif dalam masyarakat.



Perkara 24 Kesihatan, air, makanan dan alam sekitar

Kanak-kanak berhak mendapat penjagaan kesihatan yang terbaik, air minuman yang bersih, makanan yang berkhasiat serta persekitaran yang bersih dan selamat untuk didiami. Semua orang dewasa dan kanak-kanak hendaklah mempunyai maklumat tentang cara menjaga keselamatan dan kesihatan diri.



Perkara 25 Memeriksa tempat kanak-kanak dijaga

Setiap kanak-kanak yang ditempatkan jauh dari rumah, bagi tujuan - untuk mendapatkan penjagaan, perlindungan atau rawatan kesihatan – perlu diperiksa secara berkala bagi memastikan mereka dalam keadaan baik dan tempat tersebut masih merupakan tempat yang terbaik untuk mereka.



Perkara 26 Bantuan sosial dan ekonomi

Kerajaan perlu menyediakan bantuan kewangan atau bentuk sokongan lain untuk membantu kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berkemampuan.



Perkara 27 Makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selamat

Kanak-kanak berhak mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selamat agar mereka dapat membesar dan berkembang dengan sebaik mungkin. Kerajaan hendaklah membantu keluarga dan kanak-kanak yang tidak berkemampuan untuk menyediakan keperluan ini.



Perkara 28 Akses kepada pendidikan

Setiap kanak-kanak berhak mendapat pendidikan. Pendidikan rendah sepatutnya diberikan secara percuma. Pendidikan menengah dan pendidikan tinggi perlu tersedia untuk setiap kanak-kanak. Kanak-kanak perlu digalakkan untuk meneruskan pendidikan ke tahap setinggi yang mampu dicapai. Disiplin di sekolah perlu menghormati hak kanak-kanak dan tidak boleh menggunakan keganasan.



Perkara 29 Matlamat pendidikan

Pendidikan perlu membantu kanak-kanak mengembangkan diri, bakat dan kebolehan mereka sebaik mungkin. Pendidikan juga perlu mengajar mereka untuk memahami hak mereka sendiri serta menghormati hak, budaya dan perbezaan orang lain. Pendidikan perlu membantu mereka hidup secara aman dan melindungi alam sekitar.



Perkara 30 Bahasa, budaya dan agama sendiri

Kanak-kanak berhak menggunakan bahasa serta mengamalkan budaya dan agama mereka sendiri - walaupun perkara tersebut tidak diamalkan oleh kebanyakan penduduk di negara tempat mereka tinggal.



Perkara 31 Rehat, bermain, budaya dan seni

Setiap kanak-kanak berhak berehat, bersantai, bermain serta mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan dan kreatif.



Perkara 32 Perlindungan daripada pekerjaan yang berbahaya

Kanak-kanak berhak dilindungi daripada melakukan pekerjaan yang berbahaya atau boleh membahayakan pendidikan, kesihatan atau perkembangan mereka. Jika kanak-kanak bekerja, mereka berhak bekerja dalam keadaan yang selamat dan menerima upah yang adil.



Perkara 33 Perlindungan daripada dadah berbahaya

Kerajaan mesti melindungi kanak-kanak daripada mengambil, menghasilkan, membawa atau menjual dadah berbahaya.



Perkara 34 Perlindungan daripada penderaan seksual

Kerajaan hendaklah melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi seksual (dipergunakan) dan penderaan seksual, termasuk daripada dipaksa melakukan hubungan seksual untuk mendapatkan wang atau digunakan dalam penghasilan gambar atau filem berunsur seksual.



Perkara 35 Pencegahan penjualan dan pemerdagangan

Kerajaan hendaklah memastikan kanak-kanak tidak diculik, dijual atau dibawa ke negara atau tempat lain untuk dieksploitasi (dipergunakan).



Perkara 36 Perlindungan daripada eksploitasi

Kanak-kanak berhak dilindungi daripada semua bentuk eksploitasi lain (dipergunakan), walaupun bentuk eksploitasi tersebut tidak dinyatakan secara khusus dalam Konvensyen ini.



Perkara 37 Kanak-kanak dalam tahanan

Kanak-kanak yang dituduh melanggar undang-undang tidak boleh dihukum mati, diseksa, dilayan dengan kejam, dipenjarakan seumur hidup atau dipenjarakan bersama orang dewasa. Hukuman penjara hendaklah sentiasa menjadi pilihan terakhir dan hanya untuk tempoh sesingkat yang mungkin. Kanak-kanak yang dipenjarakan berhak mendapat bantuan daripada peguam dan terus berhubung dengan keluarga mereka.



Perkara 38 Perlindungan semasa peperangan

Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan semasa peperangan. Kanak-kanak yang berumur bawah 15 tahun tidak boleh menyertai angkatan tentera atau mengambil bahagian dalam peperangan.



Perkara 39 Pulih dan kembali menjalani kehidupan harian

Kanak-kanak berhak mendapat bantuan jika mereka telah dicederakan, diabaikan, dilayan dengan buruk atau terjejas akibat peperangan supaya mereka dapat memulihkan kesihatan dan maruah diri mereka.



Perkara 40 Kanak-kanak yang melanggar undang-undang

Kanak-kanak yang dituduh melanggar undang-undang berhak mendapat bantuan daripada peguam dan layanan yang adil. Pelbagai penyelesaian perlu disediakan untuk membantu kanak-kanak ini menjadi anggota masyarakat yang baik. Hukuman penjara hendaklah menjadi pilihan terakhir.



Perkara 41 Undang-undang yang lebih melindungi hak kanak-kanak perlu digunakan

Jika undang-undang sesebuah negara memberikan perlindungan yang lebih baik terhadap hak kanak-kanak berbanding Konvensyen ini, maka undang-undang tersebut perlu digunakan.



Perkara 42 Semua orang perlu mengetahui hak kanak-kanak

Kerajaan perlu secara aktif memberikan penerangan tentang Konvensyen ini kepada kanak-kanak dan orang dewasa supaya semua orang mengetahui hak kanak-kanak.

43-54

CARA KONVENSYEN INI DILAKSANAKAN

Perkara 43-54 Cara Konvensyen ini dilaksanakan

Artikel ini menerangkan cara kerajaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu – termasuk Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak dan UNICEF - serta organisasi lain bekerjasama demi memastikan semua kanak-kanak dapat menikmati semua hak mereka.



Apakah yang UNICEF lakukan untuk melindungi hak kanak-kanak?

Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak mengandungi perjanjian dalam 54 artikel. Hampir semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah berjanji untuk mematuhi perjanjian ini. UNICEF membantu kerajaan negara-negara berkenaan melaksanakan komitmen ini. Contohnya, apabila membuat undang-undang untuk melindungi hak kanak-kanak.

UNICEF membantu dan melindungi

UNICEF turut membantu kanak-kanak dengan menyediakan akses kepada air bersih, makanan yang berkhasiat dan pendidikan.
Namun, banyak lagi yang UNICEF lakukan untuk membantu kanak-kanak. UNICEF sering bekerjasama dengan organisasi lain bagi memastikan hak dan keperluan kanak-kanak dipenuhi.

UNICEF membantu kanak-kanak di seluruh dunia, sama ada di negara yang kurang berkemampuan mahupun negara yang lebih maju. Hal ini kerana terdapat kanak-kanak di setiap negara yang masih berdepan dengan pelbagai cabaran dan memerlukan usaha yang lebih berkesan untuk memastikan hak mereka dilindungi dan dipenuhi.

KONVENSYEN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI HAK KANAK-KANAK – VERSI UNTUK KANAK-KANAK

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak merupakan satu perjanjian penting yang disetujui oleh negara-negara yang telah berjanji untuk melindungi hak kanak-kanak.

Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak menerangkan individu yang dianggap sebagai kanak-kanak, segala hak yang dimiliki oleh mereka serta tanggungjawab kerajaan dalam melindungi dan memenuhi hak tersebut. Semua hak kanak-kanak saling berkaitan, sama penting dan tidak boleh dinafikan atau diambil daripada mereka.




1
-18
DEFINISI KANAK-KANAK
2
TIADA DISKRIMINASI
3
KEPENTINGAN TERBAIK KANAK-KANAK
4
MEREALISASIKAN HAK
5
BIMBINGAN KELUARGA SEIRING PERKEMBANGAN KANAK-KANAK
6
KEHIDUPAN; KELANGSUNGAN HIDUP DAN PERKEMBANGAN
7
NAMA DAN KEWARGANEGARAAN
8
IDENTITI
9
MENJAGA KEUTUHAN KELUARGA
10
HUBUNGAN DENGAN IBU BAPA DI NEGARA YANG BERBEZA
11
PERLINDUNGAN DARIPADA PENCULIKAN
12
MENGHORMATI PANDANGAN KANAK-KANAK
13
KEBEBASAN MENYATAKAN PANDANGAN
14
KEBEBASAN BERFIKIR DAN BERAGAMA
15
MENUBUHKAN ATAU MENYERTAI KUMPULAN
16
PERLINDUNGAN PRIVASI
17
AKSES KEPADA MAKLUMAT
18
TANGGUNGJAWAB IBU BAPA
19
PERLINDUNGAN DARIPADA KEGANASAN
20
KANAK-KANAK TANPA KELUARGA
21
KANAK-KANAK YANG DIJADIKAN ANAK ANGKAT
22
KANAK-KANAK PELARIAN
23
KANAK-KANAK KURANG UPAYA
24
KESIHATAN, AIR, MAKANAN DAN ALAM SEKITAR
25
MEMERIKSA TEMPAT PENJAGAAN KANAK-KANAK
26
BANTUAN SOSIAL DAN EKONOMI
27
MAKANAN, PAKAIAN DAN TEMPAT TINGGAL YANG SELAMAT
28
AKSES KEPADA PENDIDIKAN
29
MATLAMAT PENDIDIKAN
30
BAHASA, BUDAYA DAN AGAMA SENDIRI
31
REHAT, BERMAIN, BUDAYA DAN SENI
32
PERLINDUNGAN DARIPADA PEKERJAAN YANG BERBAHAYA
33
PERLINDUNGAN DARIPADA DADAH BERBAHAYA
34
PERLINDUNGAN DARIPADA PENDERAAN SEKSUAL
35
PENCEGAHAN PENJUALAN DAN PEMERDAGANGAN
36
PERLINDUNGAN DARIPADA EKSPLOITASI
37
KANAK-KANAK DALAM TAHANAN
38
PERLINDUNGAN SEMASA PEPERANGAN
39
PULIH DAN KEMBALI MENJALANI KEHIDUPAN HARIAN
40
KANAK-KANAK YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG
41
UNDANG-UNDANG YANG LEBIH MELINDUNGI HAK KANAK-KANAK PERLU DIGUNAKAN
42
SEMUA ORANG PERLU MENGETAHUI HAK KANAK-KANAK
43-54
CARA KONVENSYEN INI DILAKSANAKAN
KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK

unicef
for every child

“Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak: Apakah hak anda?”